

Kerajaan sedia dituduh pilih kasih

# Mampu, cekap saja berpeluang

KUALA LUMPUR, Jumaat — KERAJAAN sedia dituduh mengamalkan sikap pilih kasih bagi memastikan hanya mereka yang mampu dan cekap terus diberi peluang dan keistimewaan mengikut Dasar Pembangunan Nasional (DPN), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Justeru, kata Presiden Umno, status Bumiputera atau orang Melayu tidak menjamin mereka mendapat keistimewaan mengikut dasar itu, sebaliknya mereka yang dipilih perlu memiliki sifat baik, amanah, cekap dan berjaya.

"Kita akan memastikan yang dipilih dan dikasihi ialah mereka yang boleh menjayakan matlamat DPN dan bukan Bumiputera yang membazirkan harta kekayaan negara.

"Untuk menentukan peluang yang diberi tidak disalahguna, kita akan pastikan hanya mereka yang terlatih, berbakat, sanggup bekerja keras serta tidak kenal penat dan tidak mengharap kekayaan segera diberi peluang," katanya.

Dalam ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung Umno hari ini, Perdana Men-

teri berkata, kerajaan melancarkan DPN bagi menggantikan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang gagal mencapai sepenuhnya matlamat yang ditentukan.

Dalam hubungan ini, katanya, kerajaan bersungguh-sungguh melaksanakan DEB dan jika dasar itu tidak berjaya menepati matlamat, sebabnya bukan kerana dasar itu atas kelemahan kerajaan.

"Sebaliknya, ia berlaku kerana Bumiputera tidak cekap atau kurang amanah dan akibatnya sebahagian daripada kekayaan yang diperolehi terlepas ke tangan pihak lain.

"Ada kemungkinan apa yang ada di tangan Bumiputera sekarang ini pun terlepas, jika apa yang dimiliki melalui badan-badan amanah dipindahkan kepada individu atau syarikat Bumiputera.

"Malah, jika dijumlahkan semua agihan kekayaan yang dibuat oleh kerajaan selama 20 tahun Dasar Ekonomi Baru (DEB) itu dilaksanakan secara cekap, mungkin Bumiputera hari ini memiliki lebih daripada 30 peratus ekonomi negara," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, orang Melayu bukan saja perlu cekap dan memiliki sifat tertentu untuk mengekalkan apa yang dimiliki, malah berusaha mengandakan apa yang ada, sejajar dengan ekonomi yang berkembang sepanjang masa.

Mengikut DPN, katanya, kerajaan akan terus memberi peluang dan mengagihkan sebahagian daripada punca kekayaan negara kepada Bumiputera. Bagaimanapun, kerajaan tidak boleh menentukan peruntukan itu akan kekal dan bertambah.

Menurutnya, Bumiputera sendiri perlu mengekalkannya dan ini boleh dicapai dengan mengamalkan budaya dan nilai hidup yang sesuai dengan pengurusan harta kekayaannya.

"Bukti menunjukkan bahawa budaya orang Melayu tidak sesuai dengan persaingan hebat dalam dunia ekonomi moden dan untuk itu, kerajaan akan berusaha membentuk dan menyemai budaya serta kecekapan yang diperlukan bagi kejayaan mereka dalam rancangan ekonomi negara," katanya.

Laporan MANJA ISMAIL, ZAMZAM OMAR, SARING SIRAD, HAMIDIHAMID, AZHAR ABU SAMAH, NORAZMITALIB, HAMIDAH KAMARUDDIN, FUAD RAZALI, SHAH ABDULLAH, RAZMAN JURAIMI, RIDZUAN YOP, IZMAN ISMAIL, AZIZI OTHMAN, NORDIN ZAKARIA, NADZIM JAMALUDDIN, FAEZAH JALIL dan AZWANIGHANI

Jurugambar KAMARUDIN AHMAD, DAVID KHOO, CHE RANI, SOBRI SUDIN, SHAMSUDIN OLI